

# **PERANCANG KELUARGA DALAM KONTEKS PENGURUSAN RUMAH TANGGA.**

**Oleh**  
**Zulkarnain b. Yusoff**

## **ABSTRAK**

Perancang keluarga secara umumnya difahami sebagai apa-apa kegiatan atau usaha yang membawa kepada pencegahan daripada kehamilan atau mengandung. Ini merupakan satu tanggapan biasa masyarakat. Hakikatnya ia mempunyai pengertian yang luas dan boleh ditafsirkan dari berbagai aspek pemikiran. Namun begitu kadang-kadang penggunaan istilah itu sendiri menimbulkan tanggapan yang negatif dan salah faham terhadap konsep tersebut menimbulkan kecelaruan dalam pemikiran masyarakat Islam. Ini ditambah pula dengan norma dan budaya Melayu serta nilai agama yang secara tradisinya bercanggah dengan amalan tersebut. Justeru, persoalan ini perlu ditangani dengan hati-hati dan difahami secara bijaksana dan idea inilah yang cuba diketengahkan dalam tulisan ini. Oleh itu, pada dasarnya dua aspek utama yang menjadi objek perbincangan ialah amalan masa kini dan kedudukan atau konsep perancang keluarga itu dari sudut pandangan dan amalan Islam.

## **PENDAHULUAN**

Dalam *Collins Colbuild English Language Dictionary*, perkataan *Family planning* yang selalu diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dengan makna perancang keluarga - diberi maksud sebagai usaha pencegahan kehamilan bagi mengawal jumlah kelahiran dalam sesebuah keluarga<sup>1</sup>. Dengan lain perkataan ia merujuk kepada amalan atau perbuatan mencegah daripada hamil atau mengandung di kalangan wanita atau isteri dengan tujuan untuk mengelak daripada mendapat anak yang ramai atau tidak mempunyai anak langsung. Maksud inilah yang selalunya difahami apabila dikaitkan dengan perkataan perancang keluarga.

Perkataan merancang juga bermakna mengatur terlebih dahulu, mempersiapkan atau merencanakan<sup>2</sup>. Justeru itu apabila dikaitkan dengan keluarga maka ia membawa maksud merancang keluarga iaitu meliputi segala aspek perancangan pembangunan dan kehidupan sesebuah keluarga. Pengertian ini lebih umum dan luas, merangkumi segala bidang yang berkaitan dengan perancangan masa depan atau kehidupan sesebuah keluarga. Bagi maksud perbincangan ini kedua-dua persoalan di atas akan dibincangkan sedapat mungkin.

## **KAEDAH ATAU TEKNIK PERANCANG KELUARGA**

Apabila perancang keluarga dikaitkan dengan pencegahan daripada berlakunya kehamilan pada wanita, maka terdapat beberapa kaedah yang disebut sebagai alat kontraseptik yang telah berleluasa dari segi penggunaannya. Penggunaannya telah lama di negara-negara Eropah, tetapi kemudiannya diperkenalkan di negara-negara Ketiga dengan tujuan untuk mengurangkan penduduk bagi mengatasi masalah ekonomi dan pembangunan di negara-negara berkenaan. Terdapat berbagai cara yang boleh digunakan bagi mencapai tujuan tersebut:

### **1. IUD (intrauterine Device);**

Iaitu alat dalam rahim lanya merupakan satu kaedah yang digunakan secara meluas dan berkesan. Walaubagaimanapun mereka yang pakar dan berpengalaman sahaja yang boleh memasukkan IUD ke dalam rahim seseorang wanita dan sekiranya berlaku sebarang kesilapan dalam kes ini boleh menyebabkan bahaya atau masalah kepada penggunanya.

### **2. Pil**

Iaitu penggunaan ubat-ubat pencegah kehamilan. Teknik ini amat digemari oleh wanita Asia seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand<sup>3</sup>. Pil ini biasanya mengandungi hormon yang akan mempengaruhi sistem kitaran normal bagi seseorang wanita. Namun demikian ia perlu diamalkan dengan cara yang betul serta mendapat nasihat doktor.

### **3. Kondom**

ia merupakan sarung getah yang digunakan oleh pasangan lelaki. Kondom berfungsi menghalang pengaliran air mani lelaki khususnya sperma ke dalam rahim perempuan. Kaedah ini amat popular di seluruh dunia.

#### **4. Pemandulan lelaki dan perempuan**

Ini dapat dilakukan dengan cara pembedahan pembuangan atau dengan cara pengikatan pada organ yang melibatkan alat reproduktif. Cara ini menyebabkan individu yang terlibat menjadi mandul dan tidak lagi berpotensi untuk melahirkan zuriat kerana ia adalah kekal.

#### **5. Suntikan**

Suntikan merupakan satu lagi kaedah yang digunakan bagi menghalang kehamilan. Cara ini sama juga dengan penggunaan pil dan menjadi amalan ramai wanita-wanita zaman moden ini.

#### **6. Jeli dan Diaphragma, rhythm**

Penggunaan kaedah tersebut tidak begitu popular dilakukan kerana dikatakan bahawa ia tidak begitu selesa di samping keberkesanannya juga kurang.

#### **7. Lain-lain**

Selain daripada cara tersebut terdapat juga bentuk tradisi melalui ubat-ubat tradisional seperti akar-akar kayu yang dijadikan ubat untuk mencegah kehamilan. Kaedah ini memang sukar untuk dibuktikan keberkesanannya. Penggunaannya semakin berkurangan lantaran kemajuan sains hari ini dan hasil penyelidikan dengan kaedah moden yang mengemukakan bentuk moden lagi berkesan dalam teknik pencegahan kehamilan.

### **KEDUDUKAN PERANCANG KELUARGA DALAM ISLAM**

Menghadkan kelahiran anak atau mencegah kehamilan dengan cara apa pun adalah melibatkan implikasi hukum agama, adat dan kepercayaan. Persoalan penting bagi Islam ialah tujuan atau alasan kenapa amalan pencegahan itu dilakukan. Sekiranya tujuan atau alasan itu harus dari segi syarak maka dari segi implikasi hukumnya juga harus. Contohnya sekiranya seseorang itu mengalami masalah kesihatan yang membahayakan seseorang wanita itu dari mengandung dan mendapat pengesahan pakar, maka ia diharuskan menggunakan alat kontraseptif atau pencegahan hamil. Demikian juga dalam keadaan di mana kandungan yang dikandung boleh mengugat nyawa si ibu dengan syarat disahkan oleh doktor pakar MUSLIM<sup>4</sup>.

Merancang keluarga dengan tujuan untuk menjarakkan kelahiran supaya tidak terlalu dekat antara satu-satu tempoh kelahiran seperti dalam tempoh antara satu hingga dua atau tiga tahun adalah dibolehkan<sup>5</sup>. Ia dianggap sesuai untuk memulihkan kesihatan ibu sebagai persediaan untuk kehamilan yang seterusnya. Islam juga menggalakkan perancangan ini dengan melihat kepada suruhan Al-Quran supaya ibu-ibu menyempurnakan penyusuan bayi bagi tempoh selama dua tahun<sup>6</sup>. Justeru itu jika ibu menyusukan bayinya sendiri bagi tempoh dua tahun penuh ia bukan sahaja dapat menjaga kesihatan bayi tetapi dalam masa yang sama ia telah mengamalkan satu cara Pencegahan kehamilan secara natural atau semulajadi<sup>7</sup>.

Selalunya dalam tempoh penyusuan tersebut sebahagian besar wanita tidak akan hamil. Kajian menunjukkan bahawa bagi tempoh tiga bulan pertama penyusuan, 90% daripada wanita tidak akan hamil. Begitu juga dalam tempoh satu tahun masa penyusuan didapati 70% wanita tidak akan hamil, tetapi 30% lagi hamil<sup>8</sup>. Demikian juga dari sudut kesihatan, jarak kelahiran yang dicadangkan ialah dua tahun<sup>9</sup>. Tempoh ini perlu bagi memulihkan kesihatan ibu dari segi fizikal, psikologi dan rohani. Bukti-bukti juga menunjukkan dari sudut ilmu kedoktoran dan secara saintifik bahawa jarak antara kehamilan akan menentukan keselamatan bayi bagi kejayaan kehamilan yang selanjutnya. Ahmad al - Sharabassi (1973) seperti yang dipetik oleh Hayati Mohamad Yusoff<sup>10</sup> menyatakan bahawa amalan penggunaan kontraseptik bagi tujuan mencegah kehamilan dibenarkan oleh Islam dalam beberapa keadaan sebagaimana berikut:-

- (i) Keperluan isteri untuk berehat di antara masa mengandung.
- (ii) Jika terdapat di antara pasangan itu mempunyai penyakit (genetik) yang boleh dipindahkan.
- (iii) Kesihatan isteri terganggu.
- (iv) Jika pendapatan suami tidak mampu untuk menampung anak yang ramai,

Walau bagaimanapun pandangan ini tidak disetujui oleh sebahagian ulamak Islam yang lain kerana hujjahnya yang agak longgar. Misalnya alasan kesempitan hidup atau kemiskinan, mereka berpendapat ia tidak harus mengamalkannya kerana umat Islam perlu bekerja keras dan bersungguh-sungguh untuk mengatasinya. Dalam hal ini bagi negara Islam, kerajaan melalui Baitul Mal mesti berperanan membantu golongan seperti ini.

Sekiranya amalan pencegahan daripada kehamilan ini dilakukan tanpa sebarang sebab yang munasabah dan diharuskan menurut hukum syarak maka majoriti ulamak berpendapat ianya merupakan satu kesalahan dan berdosa. Ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana Nabi s.a.w sukakan umatnya ramai. Tindakan sebegini juga bercanggah dengan tujuan perkahwinan itu iaitu bagi melanjutkan kelangsungan zuriat dan keturunan manusia<sup>11</sup>. Anak-anak ini pula merupakan pengganti kepada ibu-bapa. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud<sup>12</sup>:-

*Apabila seorang anak Adam itu telah meninggal dunia, maka putuslah semua amalan kebajikannya kecuali tiga perkara iaitu : sedekah jariah, ilmu yang berguna dan anak yang soleh yang mendoakan kesejahteraan kedua ibu-bapanya*

Hadith di atas menerangkan bahawa tiga perkara yang terus kekal memberi manfaat kepada manusia setelah mati, iaitu ilmu yang bermanfaat, sedekah dan anak yang soleh. Selain dari itu amalan-amalan yang lain semuanya terputus hubungan dengannya setelah kematiannya. Yang demikian menunjukkan betapa pentingnya zuriat (anak) sebagai saham yang berguna setelah seseorang itu meninggal dunia.

Para ulamak bersepakat bahawa pencegahan dari kehamilan secara pemandulan atau yang bersifat kekal (selama-lamanya) adalah diharamkan. Namun kajian menunjukkan bahawa pengalaman kaedah mencegah kehamilan secara kekal kurang diamalkan di kalangan masyarakat Islam di negara-negara Islam<sup>13</sup>. Kebanyakan daripada mereka menggunakan kaedah pencegahan ini bagi tempoh jangka pendek dan sementara sahaja, Kebanyakan negara-negara Islam di dunia ini juga tidak menggalakkan amalan tersebut. Sementara itu pengguguran adalah diharamkan oleh Islam dan negara-negara Islam (termasuk negara-negara Islam sekular). Ini disifatkan sebagai pembunuhan ke atas janin atau bayi dan syariat Islam mengharamkannya secara mutlak. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:<sup>14</sup>

*Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kelaparan, Kami yang memberikan rezeki kepada mereka dan kepada kamu.*

Maksud ayat di atas jelas melarang sebarang bentuk pembunuhan ke atas anak-anak. Muhamad Ali al-Sabuni dalam tafsirannya terhadap ayat tersebut menyatakan bahawa menjadi tabiat dan perangai orang-orang Arab di

zaman Jahiliah membunuh anak mereka lantaran takutkan kelaparan. Cuma bentuk pembunuhan itu berbagai dan dilakukan di kalangan anak-anak mereka semasa kecil<sup>15</sup>. Hukum Islam tetap meliputi semua keadaan bagi semua zaman sejak ianya disyariatkan dan masih *valid* hingga selama-lamanya. Dalam hal ini Islam mempunyai penyelesaiannya yang tersendiri dan merupakan sebahagian daripada fleksibiliti Islam yang mampu menangani semua persoalan bagi semua keadaan termasuk amalan pencegahan kehamilan atau perancangan keluarga seperti yang telah dibincangkan.

## **MERANCANG KELUARGA DALAM KONTEKS KEHIDUPAN YANG MENYELURUH.**

1. Satu lagi konsep perbincangan keluarga yang perlu diberi perhatian ialah perancangan hidup dalam sesebuah rumah tangga atau keluarga. Ianya haruslah meliputi semua aspek kehidupan rumah tangga, masa depan keluarga dan anak-anak. Sebagai contohnya ialah seperti merangka perancangan pendidikan anak-anak dari peringkat awal hingga ke tahap yang tinggi. Tujuannya ialah agar anak-anak mendapat pendidikan yang secukupnya. Pelan pelajaran anak-anak melalui Skim Takaful misalnya adalah satu jaminan bagi tujuan pembiayaan pengajian anak-anak di mana wang tabungan itu boleh dikeluarkan setelah mereka berusia 18 tahun. Bentuk perancangan dan perlindungan seperti ini sememangnya wujud, tetapi kesedaran di kalangan masyarakat Islam masih kurang.

Pendidikan anak-anak amatlah penting kerana kedudukan seseorang samada ketika dewasa atau tua, hina atau mulia adalah bergantung kepada pendidikan, lebih-lebih lagi yang berlandaskan pendidikan Islam. Perancangan yang teliti dan teratur boleh menjamin peluang pendidikan yang secukupnya kepada anak-anak. Menurut Islam usaha mendidik anak-anak mestilah dirancang oleh ibu bapa sendiri dan tidak boleh menyerah kepada keadaan. Dalam kehidupan sesebuah keluarga atau rumah tangga ibu bapa secara umumnya perlu mengetahui peraturan-peraturan Islam dan kaedah syariah supaya dengan itu ia dapat merancang bentuk pendidikan yang sebenar dan bertepatan dengan kehendak Islam.

2. Merancang masa depan keluarga dari sudut keperluan harta, peningkatan kualiti hidup dan sebagainya adalah

juga sebahagian daripada yang dianjurkan oleh Islam. Bahkan menjadi kewajipan setiap Muslim memenuhi keperluan hidupnya di dunia, termasuklah orang-orang yang berada di bawah tanggungannya seperti suami yang menjadi ketua keluarga dalam rumah tangga maka tanggungjawabnya adalah lebih berat dan memerlukan perancangan yang betul. Dalam Islam ada kaedah yang disebut maslahat yang bersifat hakiki. Antaranya ialah jaminan keselamatan harta benda yang telah dibenarkan oleh syariat Islam dengan cara meningkatkankekayaan secara profesional dan terancang melalui cara-cara yang halal<sup>16</sup>. Justeru itu mencari harta, menjaga dan menggunakan perlu kepada perancangan yang sesuai kerana itu juga sebahagian daripada apa yang disebut dalam kaedah *usul fiqh* sebagai *maqasid al-syariah*<sup>17</sup>.

3. Merancang keperluan keluarga dalam konteks perbelanjaan dalam bentuk harian, bulanan atau tahunan juga boleh disifatkan sebagai keperluan dalam Islam. Perancangan seumpama ini dapat menjamin perbelanjaan dan akan membentuk corak perbelanjaan atau penggunaan harta dengan jalan yang halal berlandaskan syariat Islam. Ini merupakan contoh yang telah ditunjukkan oleh baginda s.a.w kerana pada diri Rasulullah s.a.w itu adalah contoh tauladan yang baik bagi semua perkara<sup>18</sup>. Antara contoh yang perlu dicontohi ialah kejayaan baginda s.a.w mengimbangi kemajuan dan kebahagiaan dalam hidup kerana menyusun dan merancang kehidupan keluarganya. Dalam hidupnya Rasulullah s.a.w pernah menternak kambing dan berniaga. Baginda s.a.w tidak pernah melupakan tanggungjawab keluarga dan perbelanjaan yang secukupnya. Justeru itu Rasulullah s.a.w juga merupakan contoh perancang yang baik.
4. Umat Islam juga disarankan supaya berlumba-lumba untuk mendapatkan keampunan dari Allah s.w.t dan untuk mendapatkan syurga seperti yang diperuntukkan oleh Allah s.w.t. Bagi tujuan tersebut setiap individu, keluarga dan anggota masyarakat perlu merancang kehidupannya agar tidak terkeluar dari landasan yang disyariatkan oleh Allah. Nabi Muhammad s.a.w mengingatkan umatnya supaya tidak melepaskan masa muda mereka sebelum tibanya masa tua, menggunakan masa sihat sebelum ditimpa kesakitan, memenuhi masa lapang sebelum tibanya masa sibuk, masa kaya sebelum menjadi papa dan masa hidup sebelum mati<sup>19</sup>.

Peringatan ini diberikan oleh baginda s.a.w dengan tawaran yang berfaedah agar kita tidak mensia-siakan peluang-peluang yang diberikan kepada kita.

Walaubagaimanapun segala kesempatan ini tidak dapat dimanfaatkan dengan baik tanpa perancangan hidup yang sistematis. Sekiranya tidak ada perancangan maka sudah pasti mereka akan menerima kerugian kerana peluang itu kalau tidak dimanfaatkan maka akan muncul pula perkara-perkara negatif dan berakhir dengan penyesalan. Orang yang tidak mengambil kesempatan dari masa tersebut atau peluang tersebut disifatkan sebagai orang-orang yang rugi dan berada dalam kerugian<sup>20</sup>.

## KESIMPULAN

Dalam membincarakan tajuk tersebut bagi umat Islam konsep perancang keluarga itu perlu difahami dengan makna yang menyeluruh. Kita tidak harus membataskannya dalam konteks merancang dengan ertikata menghadkan kelahiran atau mencegah dari kehamilan semata-mata. Perbincangan sebelum ini jelas menunjukkan bahawa Islam menyediakan jalan bagi menyelesaikan sebarang masalah termasuk dalam perkara-perkara yang boleh memudaratkan, membahayakan kesihatan, nyawa dan sebagainya. Oleh itu setiap hukum dalam syariat Islam dikaitkan dengan sebab, alasan dan punca yang mengharuskan sesuatu perkara itu dilakukan. Inilah gambaran flexibility hukum Islam yang sering kali disebut sebagai syumul atau menyeluruh.

Perancangan juga harus dilakukan dalam kehidupan keluarga dan rumah tangga seperti dari segi ekonomi, pendidikan anak-anak dan keluarga serta perkara yang bersangkutan dengan amal ibadat supaya tidak dilalaikan oleh kenikmatan dunia semata-semata. Oleh itu perancangan hidup sudah pasti menjadi kemestian ke atas setiap umat Islam bagi mencapai kebahagiaan dunia dan kenikmatan yang berkekalan di akhirat.

## NOTA KAKI

- (1) John Sinclair, Collins Cobuild English Lanauage Dictionary (London and Glasgow Collins Publishers, 1987), ha. 514.
- (2) Lihat, Kamus Dewan, (Edisi Baru). (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), ha. 1023.
- (3) Tasawwur Islam, Jurnal Perspektif Islam, JAIM, 2. 95/ 96 ha. 14
- (4) Lihat Afzalur Rahman, Encylopedia of Sirah, (London: Seerah Foundation, 1987) ha. 61.
- (5) Lihat, Hayati Yusoff, Amalan Penggunaan Alat Kontraseptif Di Kalangan Masyarakat Islam, Jurnal Perspektif Islam, JAIM, 2, 95/96, ha. 14.
- (6) Lihat al-Quran,
- (7) Dr. Ab. Hamid Arshat, Titisan Zuriat, (Kuala Lumpur: Pustaka Wira, 1988), hal. 124.
- (8) Ibid
- (9) Ibid
- (10) Hayati Yusoff, o.p. cit, ha. 19.
- (11) Ab. Wahid Baharon, Menangani Kehamilan Secara Islam (Kuala Lumpur: SABHA-DTP, 1992), ha. 7.
- (12) Hadith, Riwayat Bukhari.
- (13) Hayati Yusoff o. p. cit, ha. 21.
- (14) al-Quran, Surah al-israk, 31.
- (15) Tafsir al-Sabuni, Beirut: Dar-al-Quran, Jilid 2, ha. 158-159.
- (16) Muhammad Abu Zahrah, Usul Fiqih, (terj. Saefullah Mafsum), (Jakarta: PT Pustaka Firdaus, 1994) ha. 427.
- (17) Ibid, ha. 430
- (18) al-Quran, al-Ahzab 21.
- (19) Lihat Hadith Riwayat al-Tarmizi dan Muslim.
- (20) Lihat al-Quran, Surah al-Asr.